

16/09/2003

Business Week hanya pentingkan pembohongan

Ezaruddin Abd Rahman

TINDAKAN Business Week mengugut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana enggan ditemu bual adalah biadap dan keterlaluan. Majalah terbitan Amerika itu seperti tidak mempunyai perasaan hormat dan malu kepada Perdana Menteri apabila menulis sepucuk surat dengan nada kasar dan mengugut. Sebagai sebuah syarikat terkemuka di Amerika Syarikat, penerbit dan penulisnya seharusnya berpengalaman dalam berurusan dengan pemimpin negara.

Surat ditulis oleh wakil majalah itu, Michael Shari berpejabat di Singapura secara angkuh memberi tempoh kepada Dr Mahathir sehingga 10 Oktober 2003 untuk membalasnya.

Berdasarkan ugutannya, tidak syak lagi ia bertujuan menuduh kerajaan pimpinan Dr Mahathir melakukan pembaziran dengan membina projek mega seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Menara Berkembar KLCC serta mengaitkannya dengan kronisme.

Ini melambangkan sikap dan budaya Business Week yang sentiasa cuba mengelirukan pembaca dan seolah-olah cemburu dengan kejayaan Malaysia. Business Week tidak seharusnya berasa diri mereka mempunyai pengaruh dan kuasa untuk mendesak seseorang pemimpin dalam usaha untuk mendapatkan ulasan.

Majalah itu semakin melampau batas dan jelas ada agenda tertentu terhadap Malaysia kerana menyelitkan ancaman itu. Mereka juga seolah-olah mahu Malaysia dipandang buruk di persada antarabangsa. Inilah putar belit majalah kerana cuba mencari berita sensasi untuk dimuatkan di dalam majalah mereka.

Sudah sampai masanya kerajaan mengharamkan pengedaran Business Week di sini kerana ia hanyalah sebuah majalah yang mementingkan sensasi dan pembohongan. Apa gunanya menyiarkan rencana tetapi tujuannya bagi menjatuhkan nama baik pemimpin kita dan tidak mengiktiraf jasa baik dan kejayaan pimpinan Dr Mahathir yang banyak berjasa kepada negara ini.

Banyak lagi majalah luar negara yang boleh digunakan sebagai rujukan berbanding Business Week. Majalah ini yang beribu pejabat di New York itu bukanlah sebuah majalah yang hebat dan dikagumi kerana selama ini kandungan artikelnya bukanlah terlalu penting.

Kerajaan seharusnya berhati-hati dengan majalah asing yang cuba memburuk-burukkan kita dan meracuni pemikiran rakyat Amerika dan di negara tempat ia diedarkan.

Kementerian Dalam Negeri perlu menyiasat jika ada golongan tertentu yang menjadi dalang hingga wartawan majalah itu berani mengeluarkan ugutan itu.

Media asing mungkin tidak puas hati terhadap kemajuan Malaysia selama ini. Apatah lagi kejayaan kita mengatasi kemelut ekonomi dan mata wang dipuji Pengarah Urusan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) Horst Kohler, baru-baru ini.

Bagi rakyat jelata pula ada baiknya kita memulaukan saja Business Week jika ia enggan memohon maaf kepada Dr Mahathir dan kerajaan Malaysia. Mereka seharusnya menerbitkan rencana yang berunsurkan intelektual, bukannya berunsurkan fitnah.

Media perlu melaporkan kebenaran dan memaparkan rencana yang boleh merangsang minat pembaca. Kebebasan media yang tidak terbatas hanya akan menyebabkan kewibawaan media tergugat. Jika ia memang berhasrat dan meneruskan rancangannya menyiarkan rencana memburukkan negara kita bermakna ia gagal memberi gambaran sebenar keadaan negara, Malah imej mereka sebagai majalah antarabangsa akan tercabar jika ia menyiarkan rencana berat sebelah dan tidak berdasarkan fakta.

EZARUDDIN ABD RAHMAN,
Timbalan Presiden

Persatuan Pemuda Negara Malaysia.